



**LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA**  
FISHERIES DEVELOPMENT AUTHORITY OF MALAYSIA  
Wisma LKIM, Jalan Desaria, Pulau Meranti  
47120 PUCHONG  
MALAYSIA

Ruj. Kami : LKIM:KEW.406(S) 966/781/3 Jld. ( )  
bertarikh : 10 Februari 2020



**LKIM**

Tel: 603-8064 9000  
Faks (fax) : 603-8060 3726  
Laman Web(web) : <http://lkim.gov.my>

LKIM:KEW.406(S)  
966/781/3 Jld. ( )  
10 Februari 2020

### KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA (LKIM:S5/2020 (1) )

Kepada

**YANG BERKENAAN**

Tuan,

**TAWARAN BAGI SEBUTHARGA PENJUALAN KENDERAAN TERPAKAI -  
PROTON WAJA WLK 8944 (LKIM:S5/2020 (1) )**

Dengan hormatnya saya diarahkan kepada perkara di atas dan memaklumkan bahawa Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia bercadang untuk menjual 1 unit kenderaan terpakai Proton Waja nombor pendaftaran **WLK 8944**. Butiran seperti di lampiran

No Pendaftaran : **WLK 8944**  
Model/Tahun : **Proton Waja 1.6 (M) / 2003**  
Di buat  
Tempat : **LKIM NEGERI SEMBILAN**  
Harga Lantai : **RM5,000.00**  
Deposit : **10% daripada harga tawaran ( bank draft sahaja )**

2. Tawaran adalah dipelawa kepada orang ramai yang berminat untuk membeli kenderaan tersebut. Dokumen pelawaan boleh diperolehi secara percuma dengan memuat turun di laman web <http://www.lkim.gov.my> mulai **10 Februari 2020**.

3. Kepada yang berminat dan hendak melihat kenderaan tersebut dibenarkan pada hari bekerja dari pukul **8.30 pagi sehingga 4.00 petang** di **Pejabat LKIM Negeri Sembilan**, Lot 113 Jalan Lavender Height 1, Pusat Perniagaan Lavender Height, 70450 Seremban, Negeri Sembilan.

4. Dokumen tawaran yang telah lengkap diisi berserta deposit hendaklah di masukkan ke sampul surat bermeteri dengan menulis nombor dan tajuk sebutharga di sudut atas sebelah kiri dan dimasukkan ke dalam peti tender di Bahagian Kewangan Dan Akaun, Ibupejabat LKIM, Tingkat Bawah, Wisma LKIM, Jalan Desaria, Pulau Meranti, 47120 Puchong, SELANGOR. Dokumen yang lewat diterima selepas tarikh dan masa sebutharga ditutup adalah dikategorikan sebagai Sebutharga lewat dan tidak akan dipertimbangkan.

5. Tarikh tutup tawaran ialah pada 24 Februari 2020 jam 12.00 tengahari.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(YUSOFF BIN OTHMAN)

Bahagian Kewangan & Akaun

b.p KETUA PENGARAH

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA

s.k.

- i. Pengarah  
Seksyen Pentadbiran
- ii. Pengarah  
Bahagian Kejuruteraan  
Ibu Pejabat LKIM

**BORANG SEBUTHARGA BAGI TAWARAN PENJUALAN KENDERAAN TERPAKAI  
LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM:S5/2020 (1))**

---

Pengarah  
Bahagian Kewangan Dan Akaun  
Tingkat Bawah, Wisma LKIM  
Jalan Desaria, Pulau Meranti,  
**47120 PUCHONG, SELANGOR**

Tuan,

**TAWARAN BAGI SEBUTHARGA PENJUALAN KENDERAAN TERPAKAI PROTON  
WAJA WLK 8944 (LKIM:S5/2020 (1))**

---

Merujuk perkara di atas, saya /syarikat berminat menyertai sebutbarga tersebut. Saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk membeli kenderaan tersebut dengan harga sebanyak Ringgit Malaysia:  
.....  
.....(RM).....).

2. Bersama-sama ini disertakan deposit sebutbarga (sebanyak 10 % daripada harga tawaran kenderaan di atas) yang bernilai RM.....(Ringgit Malaysia : .....) dalam bentuk kiriman wang/ bank draf atas nama Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.

3. Saya/Syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang di tetapkan.

Tempoh mengambil kenderaan ialah 4 minggu dari surat tawaran di keluarkan.

Bertarikh pada .....haribulan.....2020.

.....  
Tandatangan Penyebutharga

Nama Penuh: \_\_\_\_\_

No. K/P: \_\_\_\_\_

Alamat: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
Atas sifat:.....

.....  
Meterai atau Cap penyebutharga

## MUSTAHAK - LIHAT SYARAT-SYARAT AM

### SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebutharga.

1. KEADAAN KENDERAAN

Kenderaan adalah dijual sepertimana keadaan kenderaan berada sekarang (as-is-where-is basic)

2. HARGA

Kenderaan akan dijual tertakluk kepada harga simpanan. Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua perbelanjaan dan pengangkutan yang berkaitan.

3. DEPOSIT

Penyebutharga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebutharga sebanyak 10 % daripada harga tawaran kenderaan di atas. Deposit sebutharga hendaklah dalam bentuk kiriman wang/ bank draf atas nama **LKIM KUMPULAN WANG MENGURUS**.

4. KOS-KOS LAIN

Semua perbelanjaan berkaitan pembelian kenderaan seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah di tanggung oleh penyebutharga sendiri.

5. TAFSIRAN

Sebutharga ini dan apa-apa kontak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebutharga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebutharga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

## 6. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUTHARGA

Kerajaan adalah berhak tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Penilaian Sebutharga LKIM adalah Muktamad.

## 7. PENYERAHAN DOKUMEN SEBUTHARGA

- a. Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan **Sebutharga (LKIM:S5/2020 (1))** serta tajuk sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga pada masa dan tempat yang di tetapkan dalam Notis Sebutharga.
- b. Jika Dokumen Sebutharga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebutharga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan tempat yang ditetapkan.
- c. Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

## 8. TEMPOH BAYARAN PENUH

Penyebutharga yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh **4 minggu** dari tarikh surat tawaran dikeluarkan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebutharga tidak akan dikembalikan.

## 9. TEMPOH MENGAMBIL KENDERAAN

Penyebutharga yang berjaya hendaklah mengambil kenderaan dalam tempoh satu (1) minggu setelah pembayaran penuh dijelaskan. Jika tidak mengambil dalam tempoh tersebut bayaran tidak akan dikembalikan dan tawaran adalah di anggap terbatal.